



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**6 Oktober 2009**

**KENYATAAN AKHBAR**

**YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT  
MENGENAI BAYARAN BANTUAN KEBAJIKAN  
PADA SETIAP 1 HARIBULAN SETIAP BULAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pembayaran wang bantuan kebajikan pada setiap 1 haribulan bermula pada **1 September** yang lalu kepada semua penerima bantuan di Semenanjung Malaysia. Walaupun tempoh sebenar kuatkuasa bayaran telah ditetapkan pada 1 Januari 2010, namun langkah proaktif yang diambil oleh KPWKM ini telah dapat dimanfaatkan oleh **283,389 orang penerima bantuan** dengan jumlah anggaran perbelanjaan sebanyak **RM38.5juta sebulan.**

Ini adalah usaha KPWKM bagi memastikan Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Area* (NKRA) KPWKM; iaitu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah dapat direalisasikan.

Saya berharap agar semua penerima bantuan boleh merancang perbelanjaan keluarga mereka dengan lebih teratur dan efektif. Bagi penerima bantuan di Sabah dan Sarawak, usaha sedang dijalankan dalam memastikan pembayaran bantuan kebajikan pada setiap 1 haribulan setiap bulan dapat dilaksanakan **mulai pada 1 Januari 2010.**

**SHAHRIZAT ABDUL JALIL**